



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/33/2022

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) di bawah kod bidang **G2 - CE21 & ME - E04** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**KERJA- KERJA MEROBOK DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN PAVILION
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, TAPAK PESTA
DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk menghadiri lawatan tapak. Sekiranya Kontraktor ingin mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan fizikal di tapak boleh menghubungi Pegawai berkenaan bagi tujuan penilaian sendiri. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

3. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil **SPKK, SPPK** dan **STB** dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 15 Ogos 2022** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **PSUKPP/33/2022** di **Seksyen Perolehan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 30, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. .

4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

JAUHILAH AMALAN RASUAH

5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang